

07 APR 2001

Mahathir-perjuangan

DR MAHATHIR DEDAH MUSUH DALAMAN UMNO

TANAH MERAH, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata budaya perjuangan untuk kepentingan diri sendiri dan individu tertentu merupakan musuh dalaman yang melemahkan Umno.

Presiden Umno berkata budaya berkenaan yang dikembangkan oleh sesetengah pemimpin dan anggota Umno telah menyebabkan perpecahan dalam parti selain menyebabkan orang ramai membenci Umno.

Orang ramai membenci Umno bukan kerana perjuangan Umno yang membela agama, bangsa dan negara tetapi mereka benci dengan perjuangan mementingkan diri sendiri dan individu tertentu, katanya ketika berucap pada majlis mesra bersama pemimpin cawangan dan bahagian Umno bahagian Tanah Merah dan Jeli di Sekolah Menengah Teknik di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis ialah Setiausaha Agung Umno Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Umno Tanah Merah Datuk Hashim Safin.

Perdana Menteri berkata mereka yang mengamalkan budaya itu sanggup membuat apa sahaja bagi memastikan kepentingan mereka tidak terjejas.

Beliau mendedahkan bahawa ada cawangan yang menghalang kemasukan anggota baru daripada golongan muda yang terpelajar termasuk memiliki ijazah kerana jika dibenarkan masuk mereka bimbang kedudukan jawatan mereka akan tergugat kerana ada orang baru yang berpendidikan tinggi.

"Apa akan jadi kepada parti kita kalau yang muda tidak masuk sedangkan kita semakin tua, akhirnya kita sudah tua, Umno pun tua semuanya meninggal dunia, tak tahulah kalau ada yang merasakan tidak meninggal dunia nak menungkat langit," katanya yang disambut tepukan gemuruh daripada hadirin.

Beliau berkata jika keadaan itu berterusan Umno akan terus hilang kerana tidak ada pembaharuan yang dibawa oleh golongan muda daripada peringkat bawah yang berpendidikan.

Beliau berkata mereka yang mengamalkan budaya seumpama itu juga sanggup menerima dan memberi rasuah yang akhirnya merosakkan parti.

Dr Mahathir berkata sokongan terhadap Umno juga merosot apabila pemimpin terbabit kecewa seperti tidak dicalonkan dalam parti dengan mengambil tindakan membawa keluar penyokong dari Umno.

Dalam membawa perasaan yang kecewa itu, mereka yang terbabit sering menyertai parti lawan yang ternyata tidak memberi sebarang faedah kepada agama, bangsa dan negara, katanya.

Perdana menteri berkata kelemahan Umno disebabkan musuh dalaman itu kini telah diambil kesempatan oleh parti pembangkang untuk menaburkan pelbagai fitnah supaya rakyat membenci Umno.

"Kalau tidak ada kesalahan yang dilakukan dalam parti, mereka (parti pembangkang) tidak akan dapat buat tuduhan kepada Umno yang telah banyak menabur jasa kepada agama, bangsa dan negara," katanya.

Dr Mahathir mahu semua anggota Umno memandang serius tindakan pembangkang itu yang kini berjaya menimbulkan rasa benci orang ramai termasuk anak orang Umno kepada parti itu.

Beliau menggesa anggota dan pemimpin Umno segera kembali kepada perjuangan asal Umno untuk membela agama, bangsa dan negara.

Perdana Menteri mahu mereka merapatkan barisan dengan perpaduan yang kukuh supaya dapat menentang segala usaha parti pembangkang untuk terus melemahkan Umno.

Beliau juga mahu golongan muda yang dipilih sebagai pemimpin tidak leka dengan jawatan yang diperolehi sebaliknya sentiasa menjaga imej parti.

Dr Mahathir juga percaya jika Umno Kelantan benar-benar mengamalkan perjuangan asal Umno mereka boleh menawan semula negeri itu yang kini dikuasai Pas.

Beliau juga mengambil kesempatan untuk beramah mesra dengan pemimpin cawangan dan bahagian Umno Tanah Merah dan Jeli pada jamuan rakyat sebelum berlepas ke Kota Baharu dengan sebuah helikopter.

Beliau akan mengadakan perjumpaan khas tertutup dengan Biro Politik tiga peringkat Umno Bahagian Negeri Kelantan di Bangunan Umno Negeri di Kota Baharu pada pukul 9.15 malam ini.

-- BERNAMA

BD AKD